



**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
RAYUAN JENAYAH NO: W-05-296-08/2023**

DI ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PERAYU

LAWAN

**MAHIADDIN BIN MD YASIN
(NO. K/P: 470515-01-5401)**

... RESPONDEN

**(Dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur
Permohonan Jenayah No. : WA-44-38-04/2023**

Di Antara

Mahiaddin bin Md Yasin

Lawan

Pendakwa Raya)

**PETISYEN RAYUAN KEPADA YANG ARIF
HAKIM-HAKIM MAHKAMAH RAYUAN**

Perayu di atas setelah memfailkan Notis Rayuan bertarikh 15 Ogos 2023 kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Yang Arif Hakim Dato' Muhammad Jamil bin Hussin yang diberikan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur pada 15 Ogos 2023 di mana Yang Arif Hakim telah membenarkan permohonan Responden untuk membatalkan empat (4) pertuduhan yang dipertuduhkan ke atas Responden di bawah seksyen

23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama di dalam Perbicaraan Jenayah No.: WA-61R-5-03/2023 dan seterusnya memerintahkan supaya Responden dilepaskan dan dibebaskan daripada keempat-empat pertuduhan tersebut.

Perayu kini memberi alasan-alasan bagi rayuan di sini:-

1. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila melaksanakan kuasa sedia ada (*inherent power*) secara sewenang-wenangnya untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden, sedangkan kes ini bukan kes yang sesuai bagi mahkamah berbuat demikian dan satu pendakwaan telah dilakukan mengikut undang-undang (*indictment has been preferred in accordance with the law*).
2. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila apabila melaksanakan kuasa sedia ada (*inherent power*) secara sewenang-wenangnya untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden, sedangkan ianya adalah pramatang di peringkat ini untuk menghalang pihak pendakwaan daripada mengemukakan keterangan relevan dan boleh diterima semasa perbicaraan melalui saksi-saksi dan keterangan dokumentar bagi membuktikan kesnya.
3. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila melaksanakan kuasa sedia ada (*inherent power*) secara sewenang-wenangnya untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden, sedangkan

permohonan Responden tersebut merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah memandangkan ianya adalah pramatang dan perbicaraan masih belum dimulakan.

4. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mendapati bahawa parti Pertubuhan Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) merupakan sebuah “organisasi” sepertimana termaktub di dalam takrifan perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694];
5. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mendapati bahawa walaupun PBBM merupakan satu parti politik yang didaftarkan di bawah seksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966 (Disemak 2021) [Akta 832], ianya tidak mengubah sifat utama PBBM sebagai satu “pertubuhan” di bawah seksyen 2 Akta 832; dan sebuah “persatuan” di bawah seksyen 2 Akta 832 adalah terangkum dalam istilah *generic* “organisasi” di bawah tafsiran “sekutu” dalam seksyen 3 Akta 832;
6. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mendapati bahawa tafsiran “sekutu” di bawah seksyen 3 Akta 694 bersifat terhad (*exhaustive*) dan menyekat (*restrictive*); sedangkan perlaksanaanya hendaklah merangkumi semua kategori “sekutu” sama ada ianya bersifat individu, berkumpulan, entiti perniagaan atau organisasi;
7. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mendapati bahawa perkataan “persatuan”

dan “organisasi” telah dibezakan dalam Akta 694 seperti dalam takrifan seksyen 3 dan 71(1), sedangkan perbezaan perkataan tersebut tidak boleh digunakan untuk mentafsir perkataan “organisasi” dalam tafsiran “sekutu” di bawah 3 Akta 694 kerana setiap istilah dalam satu Akta hendaklah ditafsirkan mengikut niat penggubalan dan konteks pemakaiannya;

8. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambilkira bahawa tujuan umum pengenalan Akta 694 seperti yang dinyatakan dalam Penyata Rasmi dan Huraian Rang Undang-Undang Akta 694, pindaan-pindaan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan Akta 694 boleh digunakan dengan lebih berkesan bagi memerangi rasuah;
9. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menghayati niat penggubal bahawa pindaan perkataan “firma” kepada “organisasi” dalam tafsiran “sekutu” di bawah seksyen 3 Akta 694 hendaklah diberi tafsiran yang lebih luas supaya maksud “organisasi” turut merangkumi aturan lain seperti “pertubuhan”, “kesatuan”, “badan” atau “firma”;
10. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memerintahkan supaya Responden dilepaskan dan dibebaskan sedangkan perbicaraan terhadap Responden masih belum bermula dan adalah pramatang pada peringkat awal prosiding ini untuk mahkamah memutuskan isu – isu yang telah dibangkitkan tanpa mempertimbangkan keseluruhan keterangan.

11. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa peninggalan untuk menyatakan cara bagaimana Responden menggunakan kedudukannya telah mengakibatkan pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi oleh Responden adalah cacat, sedangkan peninggalan tersebut bukannya satu perkara yang tidak dapat dipulihkan pada peringkat prosiding ini, memandangkan pihak pendakwaan masih boleh mengemukakan keterangan untuk mengenal pasti pelanggaran dan meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan dengan kebenaran mahkamah.
12. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa peninggalan untuk menyatakan butiran dalam pertuduhan telah mengelirukan Responden, walhal sama ada peninggalan itu telah menyebabkan satu ketidakadilan hanya boleh ditentukan pada akhir kes perbicaraan, dengan mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan di hadapan hakim bicara.
13. Yang Arif Hakim yang bijaksana adalah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila melaksanakan kuasa sedia ada (*inherent power*) untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden, sedangkan Responden telah gagal untuk membuktikan bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Oleh yang demikian, Perayu memohon Mahkamah yang mulia ini untuk mengetepikan keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi serta memerintahkan supaya pertuduhan-pertuduhan terhadap Responden

dihidupkan semua, dan/atau apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan wajar dan adil oleh Mahkamah yang mulia ini.

Bertarikh pada 19 September 2023



(DATO' MOHD DUSUKI BIN MOKHTAR)

Timbalan Pendakwa Raya
Jabatan Peguam Negara
Malaysia

Kepada:

1. Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Aras 2, Istana Kehakiman
Presint 3, 62506 Putrajaya

Salinan Kepada:

2. Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Jenayah)
Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur
Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta)
50506 Kuala Lumpur
3. Tetuan Chetan Jethwani
Peguambela & Peguamcara
No.25, Persiaran Bukit Tunku
Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur

Alamat penyampaian bagi Perayu ialah: Pendakwa Raya, Kamar Peguam Negara, Aras 5, No.45, Lot 4G7, Presint 4, Persiaran Perdana 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.